| Penyakit | Kawalan |
| --- | --- |
| Ulat pengorek batang dan tongkol | Sembur racun serangga carbaryl (seperti Sevin pada kadar 1 sudu besar atau 10g segelen air). |
| Kutu daun | Sembur racun serangga Malathion (seperti Malathion 80 pada kadar 1 sudu besar atau 14cc segelen air). |

## MEMUNGUT HASIL

### Di Ladang

Hasil mula dituai 10 minggu selepas ditanam. Kira-kira 900 hingga 1200 tongkol boleh didapati dari kawasan seluas 300 m persegi.

### Dalam Pasu dan Bekas-bekas lain

Pungut hasil 10 minggu selepas ditanam. Anggaran hasil ialah 1 atau 2 tongkol sepasu.

IBU PEJABAT

Jabatan Pertanian Malaysia
Aras 7-17, Wisma Tani, Block 4G2, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62632 PUTRAJAYA.

Tel: 03-8870 3000
Fax: 03-8870 3376
Laman Web: http://www.doa.gov.my

PANDUAN MENANAM

# JAGUNG




BP. 29/02.06/15R

# PANDUAN MENANAM

# JAGUNG

## PENANAMAN

### Penyediaan Tanah

### Di Ladang

Bajak dan gemburkan tanah sedalam 15 hingga 22 cm (6 - 9 inci). Sekiranya tanah senang bertakung air, penanaman hendaklah dilakukan di atas batas yang berukuran 30 cm (12 inci) lebar, 22cm (9 inci) tinggi dan panjangnya mengikut keadaan kawasan. Jarak antara batas ialah 45 cm (18 inci). Gunakan 300 g biji benih bagi kawasan seluas 300 m (3200kaki) persegi.




### Dalam Pasu dan Bekas-Bekas Lain

Gunakan tanah campuran yang mengandungi 3 bahagian tanah, 1 bahagian tahi ayam reput atau kompos dan 1 bahagian pasir. Isikan pasu dengan tanah campuran tersebut sehingga 5cm (2 inci) dari permukaan pasu.




## PENANAMAN

### Di Ladang

Semai 2 atau 3 biji benih terus ke batas sedalam 2.5 cm (1 inci). Jarak tanaman ialah 75 cm (30inci) antara barisan dan 30 cm (12 inci ) antara pokok. Penjarangan dibuat 2 minggu selepas menanam dengan meninggalkan satu pokok yang sihat sahaja selubang.




### Dalam Pasu dan Bekas-Bekas Lain

Semai 2 biji terus ke dalam pasu sedalam 2.5cm. Penjarangan anak pokok dilakukan 2 minggu selepas menanam. Tinggalkan satu pokok sahaja sepasu.

## PENJAGAAN

### Pembajaan Di Ladang

Tabur baja NPK Blue Special (12:12:17:2) sepanjang baris pada minggu ke 2,3, dan 4 selepas menanam. Setiap kali menabur dengan kadar 10 kg baja untuk setiap 300 m persegi.

### Dalam Pasu dan Bekas-Bekas Lain

Tabur 1 sudu teh (5g) NPK Blue Special (12:12:17:2) sepasu setiap minggu.

## MEMUNGUT HASIL

### Di Ladang

Hasil mula dituai 10 minggu selepas ditanam. Kira-kira 900 hingga 1200 tongkol boleh didapati dari kawasan seluas 300 m persegi.

### Dalam Pasu dan Bekas-Bekas Lain

Menyiram 2 kali sehari.

## MERUMPUT

### Cara Ladang

Kawal rumpai sepanjang masa. Kerja merumput biasanya dilakukan dengan tangan atau cangkul.

### Dalam Pasu dan Bekas-Bekas Lain

Cabut rumpai dari pasu

## MENGAWAL SERANGGA DAN PENYAKIT

Sembur racun serangga jika perlu